

Kuala Nerus

Kembara sahur pekerja malam

Menghargai pengorbanan segelintir pekerja yang terpaksa bertugas pada waktu malam sehingga lewat pagi mendorong Persatuan Kakitangan Pengurusan & Profesional (PENGEMUDI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menganjurkan Program Kembara Sahur di sekitar Besut, Setiu dan Kuala Terengganu.

Program bermula jam 11 malam dan berakhir pada 5.30 pagi semalam itu, menyasarkan 30 lokasi termasuk pasar mini, stesen minyak, balai polis, Kem Bina Negara Bukit Keluang, Institut Teknologi Petronas (INSTEP) dan Institut Perguruan Sultan Mizan.

Pengerusi PENGEMUDI, Termizi Abdul Aziz berkata, pihaknya menyampaikan sumbangan makanan dan minuman kepada pekerja yang bertugas dengan harapan memudahkan mereka untuk bersahur.

UniSZA agih 1,400 bubur lambuk

Kuala Terengganu: Sebanyak 800 bubur lambuk diagihkan kepada pengguna jalan raya dan 600 lagi untuk jemaah Masjid UniSZA, Gong Badak, Kuala Nerus, di sini, semalam. Program gotong-royong berkenaan adalah tradisi tahunan Universiti Sultan Zainal Abidin pada Ramadan sejak 2015.



16-06-2017